

**FTA Dijangka Jadi Tumpuan Di Mesyuarat Malaysia-Australia  
Bernama  
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) yang sudah lama tertangguh dijangka menjadi tumpuan di Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan Bersama Malaysia-Australia yang akan diadakan di sini, esok.

Difahamkan perhatian khusus akan diberikan kepada MAFTA, yang kali pertama dibincangkan pada Julai 2005 dan dijadual dimuktamadkan pada 2007.

Bagaimanapun, rundingan tertangguh disebabkan isu-isu sensitif tertentu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, yang akan mengetuai delegasi Malaysia, mengumumkan lewat tahun lepas yang Kuala Lumpur berharap dapat memuktamadkan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Australia pada suku pertama tahun ini.

Sejak beberapa tahun lepas, Malaysia telah memuktamadkan FTA dua hala dengan Jepun, Pakistan, Chile, New Zealand dan India dan penandatanganan kepada FTA serantau dengan China, Jepun, Korea Selatan, India dan Australia/New Zealand.

Ketika ini, 61 peratus jumlah perdagangan Malaysia adalah dengan rakan FTA.

Mesyuarat itu yang akan diadakan di Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur, bertujuan membincangkan isu-isu pelaburan dan perdagangan dua hala khusus membabitkan kedua-dua negara.

Ia dijadual bermula dengan mesyuarat dua hala antara Mustapa dan rakan sejawatannya dari Australia, Craig Emerson.

Malaysia dan Australia juga dijangka mengusulkan cadangan kerjasama baharu.

Malaysia dijangka mencadangkan kerjasama antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Suruhanjaya Perdagangan Australia (Austrade) dalam pembinaan lestari dan hijau.

Kuala Lumpur juga mencadangkan kerjasama lain antara Austrade dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dalam teknologi hijau.

Sementara itu, Australia dijangka menyuarakan idea kerjasama antara kedua-dua negara dalam cadangan meja bulat dalam industri logistik dan kerjasama pembaharuan ekonomi.

Australia juga dijangka memaklumkan perkembangan terkini kepada delegasi Malaysia mengenai perundangan terkini pembalakan haram dan pelabelan makanan dan isu-isu eksport haiwan hidup.

Mustapa dan Emerson juga dijadualkan menyaksikan pembentangan daripada majlis Perniagaan Malaysia-Australia dan Majlis Perniagaan Australia-Malaysia.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=643046>